



## PUISI DAN LINGKUNGAN SOSIAL

RANCANGAN BICARA PUISI  
PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA  
TARIKH SIARAN: 10 JAN 1984  
HASNADY ABDULLAH (MOHAMED NAIM DAUPI)

---

### JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar yang budiman.

Bakat yang mengalir di tubuh seorang penyair adalah sesuatu pemberian yang tidak ternilai, tetapi yang banyak membina bakat kepenyairan seseorang itu ialah lingkungan sosialnya. Kalaulah penyair mengabaikan kejadian-kejadian yang berlaku dalam daerah sosialnya atau masyarakatnya maka pengucapan-pengucapan yang bakal terakam di dalam puisi, selalunya kosong dan tidak bermaya atau kurang darah.

Demikianlah secebis patukan dari pandangan saudara Hasnady Abdullah terhadap sekuntum puisi hasil tulisan sudara HAMDAN dari MATTAR ROAD. Semoga pandangan saudara Hasnady Abdullah ke atas puisi saudara Hamdan yang bertajuk **SEBELUM TERLAMBAT** ini akan menambahkan dan meluaskan persepsi kita terhadap puisi dan kehidupan yang menguliti kita. Tetapi sebelum kami perengarkan ulasan beliau itu marilah kita hayati terlebih dahulu puisi; **SEBELUM TERLAMBAT**:

### ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

Rohaniku sayang  
Janganlah tinggalkan aku  
Yang masih takut pada bayang-bayang

Jasmaniku  
Kenapa kau berdiam kaku  
Mana kudratmu?

HATIKU...  
Janganlah sembunyi di dalam bilikmu  
Bukalah pintu  
Kita akan berangkat  
Kalau kau tidur  
Bangunlah cepat  
Sebelum terlambat!!!



## SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan.

Sememangnya manusia terbentuk dari dua unsur yang disebut jasad dan roh atau jasmani dan rohani. Kalaulah jasad atau jasmani itu lebih mengarahkan manusia kepada alam yang kronkrit atau material sifatnya, roh atau rohani pula banyak cenderung kepada alam ghaib atau yang bersifat abstrak. Kerana sifatnya yang abstrak ini, ia amat sukar untuk kita jangkau dengan mata kasar. Walau bagaimanapun ia dapat membangkitkan sesuatu rasa seperti kecintaan, kemurniaan, keriang, kebencian, keseraman, ketakutan, kegetaran dan sebagainya.

Saudara-saudara pendengar.

Andainya kita hayati puisi yang menjadi pemusatan perbincangan kita minggu ini pada rangkap pertamanya, iaitu

Rohaniku sayang  
Janganlah tinggalkan daku  
Yang masih takut pada bayang-bayang

memperlihatkan suatu jangkauan yang tiada batas tentang alam kerohanian ini. Kekata **bayang-bayang** yang terterap di dalam puisi ciptaan saudara HAMDAN ini dapat kita tafsirkan dengan impian-impian, getaran-getaran, momokan-momokan dan lain-lain lagi. Kalaulah kita tafsirkan atau dekati alam kerohanian ini dalam hubungan kita dengan pencipta Agung iaitu TUHAN maka kekata bayang-bayang ini dapat ditafsirkan sebagai pegangan-pegangan keagamaan HAMDAN yang longgar. Dan melalui suara bathinnya HAMDAN cuba memberitahu kita betapa beliau gusar kepada sesuatu yang belum dicapainya, sesuatu yang masih di dalam impiannya sedangkan hasrat untuk menemuinya sudah mula lesu dan hilang keazamannya.

Telah saya perkatakan tadi bahawa jasmani lebih banyak mengarah kepada sesuatu yang bersifat material. Jasmani yang bertenaga akan membangkitkankuasa kerja yang dapat memberikan kita kepuasan material, dapat mengisi keperluan-keperluan hidup seperti makanan, perlindungan, pertahanan dan pengetahuan juga. Hilangnya kekuatan jasmani pula akan meletakkan kita dalam kehidupan yang rumit dan tidak sempurna. Melalui puisi beliau seterusnya, kita melihat kegusaran-kegusaran HAMDAN:

## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

Jasmaniku  
Kenapa kau berdiam kaku  
Mana kudratmu?



## SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar:

Kekata kudrat melalui bait kedua puisi HAMDAN itu jelas memberikan kita dengan makna yang denotatif yakni maksud yang selapis sahaja. Ia memperlihatkan kegusaran penulis tentang hilangnya kekuatan atau kekuasaan jasmaninya yang menyebabkan beliau kurang bergerak dan bekerja. Menerusi kegusaran-kegusaran pada rohani dan jasmaninya yang terterap di dalam puisinya itu, penulis seterusnya cuba bangkit dengan pengucapan yang lebih berterus-terang.

## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

Hatiku...

Janganlah sembunyi

Di dalam bilikmu

Bukalah pintu

Kita akan berangkat

Kalau kau tidur

Bangunlah cepat sebelum terlambat!!!

## SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar:

Kita menyedari betapa peranan hati amat besar sekali. Hati atau kalbu adalah penggerak segala niat, adalah pemula segala kehendak. Hati yang telah membeku menjadikan seserang itu terdorong oleh kehendak-kehendak yang negatif sifatnya. Tidak pula penulis; melihat kemelesetan yang mula melekat pada tubuhnya, melihat kelonggaran kepercayaan yang mula menembusi hakikat keagamaannya, melihat segala macam kekurangan yang mula menyelip di dalam kehidupannya, penulis HAMDAN cuba bangkit dan membuat pernyataan-pernyataan yang penuh azam, tekad dan bersemangat.

Tetapi hakikat puisi yang sebenarnya pula bukanlah sekadar pernyataan-pernyataan begini. Kalaulah kita menoleh kepada puisi-puisi HAMDAN yang pernah tersiar di dada akhbar atau di corong radio, ia banyak mengisi sesuatu pernyataan di luar lingkungan dirinya yakni lebih komited dengan kehidupan masyarakatnya. Tetapi puisi SEBELUM TERLAMBAT ini amat sempit skop perbicaraannya.

Sebernarnya bakat yang mengalir di tubuh seseorang penyair adalah pemberian Tuhan yang tidak ternilai. Tetapi bakat kepenyairan seseorang penulis itu sebenarnya lebih banyak dibina dan dibentuk oleh lingkungan-lingkungan sosialnya. Kalaulah penyair mengabaikan kejadian-kejadian yang berlaku dalam daerah sosialnya atau masyarakatnya



maka pengucapan-pengucapan yang bakal dihamburkan ke dalam puisi selalunya merupakan pengucapan yang kosong, tipis dan kurang darah.

Maka dengan demikian, seorang penyair yang telah sedia tertanam bakat semula jadi di dalam dirinya haruslah meneliti, menafsiri, meneroka dan langsung menanggapi setiap pergolakan yang berlaku di sekitar sosialnya. Pergolakan inilah yang akan mematangkan fikiran dan penciptaan sesebuah puisi.

Semoga dengan puisinya yang lain, HAMDAN akan memperlihatkan komitmennya yang mendalam terhadap kehidupan.

**ARAHAN: DENDANGKAN SEBUAH LAGU YANG MEMPUNYAI UNSUR PUISI PADA SENIKATANYA SEBAGAI SELINGAN PADA SOROTAN YANG KEDUA.**

**JURUHEBAH :**

Saudara-saudara pendengar.

Sorotan puisi yang kedua minggu ini, akan memperdengarkan saudara dengan ulasan puisi Hasnady Abdullah ke atas puisi penyair muda ANHAR OTHMAN yang bertajuk PERJUANGAN.

Meneliti tajuk PERJUANGAN yang akan menjadi bahan sorotan kita sudahpun memberi berbagai-bagai pengertian kepada kita. Setiap detik manusia tidak dapat menghindari perjuangan dalam kehidupannya. Hidup adalah perjuangan yang kental. Manusia berputar dan bergerak mengisi kehidupan dan mencipta kehidupannya adalah hasil dari 'PERJUANGANNYA'. Dan, tentunya perjuangan yang dimaksudkan itu tidak semestinya membahu atau menghunus senjata atau menumpaskan apa-apa sahaja yang merintanginya. Dan perjuangan sebenarnya menuntut ketabahan, kecekalan, ketekadan dan kesabaran kita. Tanpa itu semua, kita akan disuakan dengan kekecewaan, keputus-asaan dan ketewasan.

Demikianlah antara lain mukaddimah saudari Hasnady Abdullah yang memperkatakan puisi PERJUANGAN karya ANHAR OTHMAN ini.

Saudara-saudara pendengar:

Menyebut tentang perjuangan, ada dua jenis perjuangan yang sering menghantui manusia atau pemikiran kita. Apakah: perjuangan semata-mata untuk hidup atau hidup semata-mata untuk perjuangan? Bagi saya kedua-dua pandangan ini benar belaka dan bergantung kepada situasi serta kondisi sesuatu zaman. Bagi sesebuah negara yang terampas kedaulatannya atau penduduk-penduduk yang tertindas bethiniahnya seperti di KEMBOJA, PALESTIN atau AFGHANISTAN, penduduk-penduduknya lahir dengan



semangat yang murni untuk memperolehi dan mendapatkan semula hak-hak mereka yang kehilangan dan terampas melalui perjuangan. Hidup mereka semata-mata diisi dengan perjuangan demi. Perjuangan menjadi perkara nombor satu dan sering bermimpi pula untuk mendapatkan ganjaran yang setimpal daripada perjuangan itu. Bagi mereka, hidup tidak akan memberi makna apa-apa andainya segala kehilangan itu tidak terpedulikan. Walaupun begitu matlamat mereka masih terarah kepada satu iaitu memperolehi kesejahteraan dalam hidup.

Begitu juga pandangan hidup semata-mata untuk perjuangan. Di sini amat terasa kepada kita bahawa kehidupan mengisi berbagai-bagai keresahan dan kegelisahan, apatah lgi dalam situasi hari ini yang sering mencabar. Dan tentunya semua keresahan itu mahu ditapisi atau di tolak langsung. Dan proses serta pendekatan seperti ini bolehlah kita anggap sebagai satu perjuangan.

Andainya pula keresahan itu tidak muncul dari seorang individu yakni ia lahir atau hadir dalam satu kumpulan masyarakat, makak keresahan dan kegelisahan itu dirasai bersama. Bila keadaan ini berlaku maka lahirlah jaguh-jaguh yang mahu digelar pemimpin. Di sinilah seorang pemimpin memainkan peranan untuk memberi arah kepada perjuangan mereka.

Saudara pendengar.

Maka menjadi hak sesuatu kumpulan untuk menumpukan perjuangan mereka atau mengatur motif untuk mengatasi keresahan dan kegelisahan itu. Dan dalam mencapainya, ia tidak semestinya menemui kejayaan. Mungkin ia terpeleset di sebabkan oleh sikap haloba dan kurang wibawanya seorang pemimpin atau seseorang yang mahu diakui sebagai pejuang.

Salah satu sikap terpeleset seorang pejuang inilah yang menjadi pokok perbincangan rasa seorang penyair muda kita iaitu ANHAR OTHMAN. Hayatilah puisi PERJUANGAN beliau ini:

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI.

Kau  
Jelajah genap pelosok  
Hakikatmu murni  
Melaung filsafat hidup  
Penuh keinsafan  
Tanpa kekhusyukan di hati

Tapi...



Tiada semua ini  
Bila kau menjadi  
Topeng-topeng  
Yang dijadikan sendiri  
Bagiku bagai  
Tong kosong  
Bising kendengaran  
Tapi tak punya apa.

#### SOROTAN:

Saudara pendengar yang berbahagia.

ANHAR OTHMAN pada awal-awal perbicaraannya mengakui bahawa setiap pejuang dan perjuangan adalah murni. Beliau juga mengakui bahawa melalui perjuanganlah, kesedaran dan keinsafan hati ini lahir. Kehidupan penuh filsafat-filsafat yang menuntut kita menafsirinya dan melalui perenungan inilah kita bangkit untuk mewarnai kehidupan kita sebagai individu atau sebagai satu kumpulan masyarakat. Seseorang pejuang yang dapat menafsiri di balik tabir kehidupan yang tak dapat dijangkau oleh mata kasar tidak akan duduk diam, malah melaung-laungkan penglihatan dan dapatannya kepada masyarakat, demi mencapai kehidupan yang lebih sejahtera. Dengarilah perbicaraan awal ANHAR OTHMAN ini sekali lagi:

Kau  
Jelajahi segenap pelosok  
Hakikatmu murni  
Melaung fiksafat hidup  
Penuh keinsafan.

Tetapi andainya sikap murni ini terpeleset seperti pupusnya peribadi murni seorang pemimpin, atau goncangnya wibawa seorang pejuang, atau seseorang yang menganggap bahawa dengan perjuangan beliau bisa mencapai tujuan-tujuan dan kehendak-kehendak personalnya, maka perjuangan yang diperjuangkannya akan tidak memberi kesan apa-apa kepada masyarakat. Malah segala laungan-laungannya akan menjadi bahan ketawa dan ejekan. Ini amat ketara sekali pada baris-baris kalimat puisi beliau ini:

Tapi...  
Tiada semua ini  
Bila kau menjadi  
Topeng-topeng  
Yang dijadikan sendiri  
Bagiku bagai



Tong kosong bisung kedengaran  
Tapi tak punya apa.

Saudara-saudara pendengar.

Menjenguk keseluruhan puisi ANHAR OTHMAN tadi dengan sekali pendengaran sahaja, kita sudah dapat memahami akan maksud bisikan hatinya. Malah apa yang kita rasakan, ia hanyalah membuat sebuah pertanyaan yang ditetak-tetak kemudian dibariskan untuk dipanggil sebuah puisi. Bertambah lagi perlambangan-perlambangan seperti tong-tong kosong dan topeng-topeng di dalam puisi itu merupakan perlambangan yang amat lumrah sekali. Seorang penulis yang ingin berjaya dalam penulisannya senantiasa berusaha untuk mencetuskan sebuah perlambangan baru yang segar dan indah. Andainya perlambangan-perlambangan yang terterap di dalam sesebuah puisi itu sudah amat benar disebut, maka puisi tersebut tidak mengajak pembaca atau pendengar berbicara menerusi pemikirannya, ia terhenti dengan sekali pembacaan sahaja.

Berlebih-lebih lagi andainya terdapat kekeliruan ketika menerapkan kata-kata ke dalam puisinya. Melalui puisi ANHAR OTHMAN, perkataan kekhusyukan di dalam kalimat tanpa kekhusyukan di hati adalah lebih tepat jika dibangunkan perkataan kekusutan dari kekhusyukan. Ia lebih memberi makna kepada pengucapannya yang mahu dilahirkan ke dalam sesebuah puisi. Sebenarnya sesebuah puisi itu lahir tidak setakat mahu berhubungan dengan perasaan pembaca dan pendengarnya. Sesebuah puisi yang baik sekaligus menggugat pemikiran pendengarnya. Semoga ANHAR OTHMAN melalui puisi-puisi yang lain akan menemukan kita dengan perkara tersebut. Selamat mencipta dan terus mencipta.

JURUHEBAH:

Demikianlah saudara-saudara pendengar, sorotan sekilas saudari Hasnady Abdullah ke atas puisi penyair muda ANHAR OTHMAN. Semoga percakapan beliau memanfaatkan kita:

Saudara-saudara pendengar.

Pernah kita diberitakan bahawa puisi merupakan pengucapan intelektual seorang seniman yang paling tinggi. Atau kita pernah dimaklumi bahawa puisi sekaligus mengisi emosi, pemikiran dan tanggapan seseorang penyair tentang kehidupan yang dialami oleh pacainderanya. Amat payah bagi masyarakat pencinta untuk menemui pengalaman sebenar seseorang penyair di dalam karya-karyanya. Dan kerja mengupas ini bukanlah suatu perkara yang mudah yakni ia tidak berhenti pada suatu pembacaan.

Saudara-saudara:



[www.saujana.sg](http://www.saujana.sg)

Ruangan sudut pandangan kita minggu ini mengisi perbincangan saudara A.S. SALIMIN tentang mengupas sekuntum puisi. Semoga pandangan beliau akan menambahkan khazanah pengetahuan kita tentang alam puisi yang amat luas ini.

SUDUT:

Saudara-saudara pendengar bicara puisi yang saya muliakan. Seperti yang kita sama-sama maklumi, penyair mempunyai kebebasan ketika berkreatif. Kita tidak bisa mengarahkan mereka ke suatu destinasi bagi menghasilkan sesuatu karya. Atau kita tidak boleh menentukan bahawa hal atau peristiwa ini dan itulah yang harus dibangkitkan oleh seseorang penyair ke dalam karya-karyanya.

Dan dari sifatnya yang bebas lepas ini pula, kita dapat melihat berbagai warna dan corak tercoret dalam arena perpuisian kita, berbagai ragam suara terakam membanjiri alam persajakan kita. Dan alam pernyataannya yang berlapis makna pula memungkinkan kita membuat penafsiran yang berbagai-bagai, ia berbeza dan berpindah-pindah dari suatu kepala dengan kepala yang lain.

Sebenarnya mendekati sesebuah puisi dengan hasrat untuk memahami dan memberi penilaian berhasil atau bermutu tidaknya sesebuah puisi, merupakan sebuah kerja yang tidak ringan dan tidak kecil.

Kita sama-sama menyedari bahawa puisi amat subjektif sifatnya, ia hasil dari perbauran antara pengalaman, perasaan, imaginasi, pemikiran dan kreasi seseorang penulis. Sebagai pengalaman yang demikian, ia menjadi imaginatik dan memungkinkan penulis menyimpang daripada keinginan bicara yang lebih awal atau sesuatu yang telah direncanakan terlebih dahulu ataupun ia memungkinkan terkeluar dari kemahuan asal si penulis.

Daripada hal ini, kita tentunya sebagai penggemar tidak mungkin dapat mendekati proses penciptaan sesebuah puisi melainkan pengakuan dari penulisnya sendiri diminta. Sebagai penggemar kita hanya berdepan dengan kata-kata yang terpampan di muka kertas atau dapat menjenguk sedetik pengalaman imaginatik penulisnya. Namun demikian kita tidak mungkin akan dapat memperoleh seratus peratus pengalaman berkaryanya.

Katakanlah kita berhadapan dengan sekuntum puisi, apakah ia hanya akan kita sudahkan dengan sekali pembacaan? Tentunya tidak. Puisi bukanlah bahan baca yang ringan dan memungkinkan kita memahaminya dengan sekali jengukan. Sambil kita membaca ia menuntut kita menjenguk sesuatu yang tersirat di sebalik kata-kata yang tersurat. Dan inilah yang memungkinkan tafsiran dan penilaian kita MENYIMPANG daripada yang



dialami oleh penulisnya. Kalaupun ia dapat mendekati puisi tersebut tidak mungkin pula penafsirannya akan tepat seratus persen. Masyarakat hanya mencuba untuk mendekati, memahami, menganalisis dan menafsiri berdasarkan kepada yang tertera di atas atau di sebalik kata-kata.

Sekian.

